POLIS DIRAJA MALAYSIA

REPOT POLIS

Balai : KLANG
Daerah : KLANG SELATAN
Kontinjen : SELANGOR
No Repot : SG. WAY/002249/17
Tarikh : 06/03/2017
Waktu : 1343 PM
Bahasa Diterima : B. Malaysia

Butir-butir Penerima Repot

Nama : MUHAMMAD HELMY BIN AZIZ
No Personel : R170485
Pangkat : L/KPL

Butir-butir Jurubahasa (Jika Ada)

Nama : ---
No Paspot: ---
Alamat: ---
No K/P (Baru) : ---
Bahasa Asal : ---
No Polis/Tentera: ---

Butir-butir Pengadu

Nama : PETER PORMANNAN A/L ANNAMALAI
No K/P (Baru) : [redacted]
No Polis/Tente[redacted]
No Paspot : ---
No Sijil Beranak : ---
Jantina : Lelaki
Tarikh Lahir : 25/10/1962
Umur : 54 tahun 4 bulan
Keturunan : India
Warganegara : Malaysia
Pekerjaan : WAKIL INSURANS
Alamat Tempat Tinggal : 62 JALAN MATA KUCING KAW 6 41100 KLANG
Alamat Ibu/Bapa : ---
Alamat Pejabat : ---
No Tel (Rumah) : [redacted]
No Tel (Pejabat) : ---
No Tel (HP) : [redacted]
Emel : ---

Pengadu Menyatakan:-

NAMA SAYA IALAH PETER PORMANNAN. SAYA IALAH KAWAN RAPAT KEPADA JOSHUA HILMY DAN ISTERINYA, RUTH. TUJUAN SAYA DATANG KE BALAI POLIS HARI INI ADALAH UNTUK MEMBUAT SATU LAPORAN TENTANG ORANG HILANG BAGI INDIVIDU YANG BERNAMA JOSHUA HILMY DAN JUGA KEMUNGKINAN BESAR, ISTERINYA RUTH JUGA HILANG. SAYA MENDAPATI MEREKA HILANG PADA KIRA-KIRA BULAN NOVEMBER 2016, SEBAB TIADA SEBARANG KOMUNIKASI ANTARA SAYA DENGAN MEREKA.ALAMAT TERAKHIR MEREKA DI KAMPUNG TUNKU,PETALING JAYA.

HAL INI ADALAH BUKAN BIASA OLEH KERANA KAMI SERING BERHUBUNG DAN MEMANGGIL ANTARA SATU SAMA LAIN SEKURANG-KURANGNYA BEBERAPA KALI PADA SETIAP BULAN. SEJAK NOVEMBER 2016, BELIAU TIDAK MENGHUBUNGI SAYA DAN CUBAAN SAYA MENGHUBUNGI BELIAU GAGAL SEHINGGA HARI INI.

ATAS ALASAN-ALASAN BERIKUT, SAYA PERCAYA BAHAWA BELIAU DAN ISTERINYA TELAH HILANG DAN

SAYA AMAT BIMBANG TENTANG KESELAMATAN MEREKA. SAYA BERHARAP AGAR POLIS DAPAT MENCARI MEREKA YANG HILANG INI.

(DISALIN DARI PENDRIVE PENGADU)

Tandatangan Pengadu:

Tandatangan Jurubahasa(Jika ada) :

Tandatangan Penerima Repot:

Salinan Repot Pertama

EXHIBIT:

Video filename: "2016.11.06 Seminar Belia Menentang Keganasan YBhg DCP Datuk Awaludin Jadid.mp4"

Downloaded from original source on YouTube

"Seminar Belia Menentang Keganasan | YBhg DCP Datuk Awaludin Jadid"
Page: **MISHKAH MEDIA**
Uploaded on 13 December 2016 (a recording of an event on 6 November 2016)
40:49 mins

ORIGINAL SOURCE LINK:
https://www.youtube.com/watch?v=hQxtX5oh-xQ



The Event Poster:

Date of Speech: 6 November 2016
FULL TRANSCRIPT OF 40:49 MIN VIDEO:
(Transcript date: 30 JUNE 2018)

Speech starts at 00:28 min

Bismillah....dan salam sejahtera

Terima kasih kepada pengerusi majlis yang saya muliakan Ustaz Zainal Abidin, sebagai wakil kepada Mufti Wilayah Kuala Lumpur pada hari ini, dan juga sahabat saya Ustaz Ahmad Baizawi selaku ketua penganjur pada hari ini. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur kerana sudi memanggil saya pada hari ini untuk menyampaikan sedikit taklimat bersabit dengan isu-isu keselamatan yang sedang melanda negara kita pada hari ini, dan pengkhususan yang saya tengok...saya melihat pada senarai pembentang-pembentang kertas kerja hari ini, banyak yang tertumpu pada isu-isu keganasan yang ada kaitan dengan Daesh ataupun IS yang saya rasa untuk beberapa tahun kebelakangan ini merupakan satu isu yang sering diperkatakan dan sering menjadi tajuk di akhbar-akhbar dan juga menjadi tajuk banyak pendebatan dan juga secara langsung dan tidak langsung memberi kesan kepada kita sebagai umat Islam samada di Malaysia ataupun di dunia khususnya. Yang kita melihat sekarang ini, banyak kewujudan pelbagai fahaman...pendapat yang berbeza-beza, sehinggakan di dalam Malaysia sendiri pun, kita memerhatikan bahawa terdapat pihak-pihak yang – apa – pendebatan yang tidak semestinya... pendebatan tersebut sebagai satu perkara yang perlu kita alu-alukan. Tapi sebenarnya, itulah hakikat yang berlaku sekarang ini.

2:35 min:

Jadi saya lihat pada tajuk-tajuk yang dibentangkan pada hari ini, saya rasa para pembentang pada sebelah petang nanti, dia akan membentang dengan lebih khusus dan terperinci tentang isu-isu bersabit dengan Daesh dan juga IS. Jadi saya telah memberitahu pihak penganjur saya akan tunggu sehingga petang untuk soal-jawab kerana di situ akan wujud satu penjelasan atau soal-jawab berhubung dengan keganasan.

3:06 min

Bagi untuk pagi ini dlam tempoh 40 minit atau 35 minit yang diberi kepada saya ini, saya akan cuba memberi sedikit sebanyak penerangan tentang isu-isu semasa khususnya bersabit dengan polemic masyarakat Islam yang kita hadapi hari ini, khususnya berhubung dengan isu-isu keganasan.

3.26 mins:

Kalau kita tengok semalam dan kemungkinan hari ini juga wujud kalau tuan-tuan tengok 19 haribulan nanti, 19 November satu perhimpunan besar-besaran yang akan diadakan oleh kumpulan yang menggelarkan diri mereka sebagai Bersih ataupun kita call, saya panggil dia sebagai Kuning, bukan Bersih sebab kalau kita sebut Bersih itu seolah-olah dia terlalu bersih bagi mereka semua. Saya panggil dia kumpulan kuning. Jadi 19 November adalah tarikh di mana mereka telah set dia punya mind... jadi sebenarnya saya nak relate-kan, walaupun Bersih ini tidak berapa signifikan dengan isu keganasan ini tetapi kita melihat bahawa inilah polemik politik yang kita hadapi sekarang ini yang boleh berunsur keganasan yang boleh mencambahkan kepada konflik di kalangan

masyarakat muda kita khususnya di kalangan adik-adik yang berdiri depan sekarang ini yang ada turut sama daripada universiti yang saya dengar difahamkan dari Universiti Pertahanan Nasional Malaysia ya? Jadi yang ini kita kehendak supaya semuanya faham apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh negara pada hari ini selain daripada isu keganasan IS.

4.39 mins:

Yang sebenarnya untuk membincang pasal IS ini, saya betul-betul menantikan Datuk Ayob Khan untuk duduk bersama-sama ini supaya sekadar dia boleh memberi penerangan tentang isu IS; perkara penting because dia lah yang kita anggapkan sebagai apa...sebagai orang yang pakar dalam bidang...apa ini...terrorism, keganasan ini dan dia boleh relate-kan saya terperinci satu per satu tentang masalah DAESH, masalah IS because dia sebenarnya dari segi politiknya ataupun daripada segi apa dia...dia tidak di...tidak tahu melalui politik tetapi kita melihat kefahaman di kalangan individu yang terlibat itu sendiri, ahh yang ini kita nak tahu. Sebab saya sendiri nak tahu juga individu yang ditangkap dan terlibat dalam apa...dalam kumpulan keganasan ini, bagaimana mereka boleh terlibat sedangkan mereka dulu adalah orang yang bertaulat? Telah dididik oleh anak-anak; melalui ibubapa mereka menjadi orang yang baik supaya menjadi orang Islam yang baik kenapa mereka boleh terpesong kepada kepada aktiviti keganasan yang telah di-propogate-kan oleh segelintir.

5.45 mins:

Kita faham bahawa DAESH ini sebenarnya isu keganasan bukan satu perkara yang baru sebenarnnya. Kita dari pihak cawangan khas ini kita sememangnya mengkaji daripada awal lagi tentang kewujudan kumpulan al-Qaeda, Jemaah Islamiyah misalnya ya. Dia sebenarnya tidak lari daripada daripada apa daripada pemikiran because why dia hanya pertukaran dari segi nama saja tapi asas perjuangan mereka adalah sama dan kita juga ingin memberitahu bahawa bagaimana mereka resort kepada keganasan yang begitu zalim sekali sehingga sanggup mengebom...apa ini...masyarakat sesama pembunuhan sesama sendiri yang ini kita nak tahu dimana silapnya dan dimana why jadi ini yang sebenarnya kita ketahui jadi dalam hal yang sebegini kita memerlukan seorang yang betul-betul pakar, orang yang berhadapan dengan those individu yang kita tangkap ini dan kita duduk bersama kita bercakap bersama-sama kita keluarkan soalan bersama-sama mereka dan mereka mengeluarkan apa jawapan-jawapan supaya boleh memenuhi kita punya keperluan. Ia ini penting penting bagi...

6.52 mins:

Perkara-perkara begini, special branch pernah lakukan semasa isu murtad, ini ada isu yang lebih besar. Isu murtad saya masih lagi ingat Dato Dr Fathul Bari sama-sama membantu saya bila kita memerangi segelintir daripada masyarakat Islam ataupun orang Islam kita yang telah di-approach oleh kumpulan-kumpulan tertentu di kalangan orang Kristian ini iaitu neglected people's worker ini organisasi yang diwujudkan secara underground untuk memurtadkan segelintir masyarakat Islam kita. Ini kita nak tahu kenapa boleh berubah iaitu sebagai mereka dilahirkan sebagai orang Islam tetapi apabila menjangkau umur yang matured yang apa mereka bertukar kepada Christianity, kenapa? Ada ada salah seorang daripada mereka adalah anak kepada MUFTI Selangor sendiri, yang ini saya agak keliru, bukan bapanya dalam MUFTI, MUFTI Selangor tetapi dia somehow rather dia berjaya diconvertkan menjadi seorang Kristian disebabkan oleh isu-isu kecil-kecil yang berlaku...ah yang ini ni yang sebenarnya yang kita nak....

7.58 mins:

Saya samakan bahwa isu terrorism ini sama juga dengan apa yang berlaku di dalam isu memurtadkan...apa ini...orang-orang Islam. Ini berlaku, isu ini masih lagi ongoing pada hari ini dan tadi telah ditimbulkan oleh Ustaz Zainal tadi mengenai permohonan daripada persatuan Kristian Melayu Malaysia untuk didaftarkan sedangkan hari itu pun apabila persatuan Syiah yang cuba nak mendaftarkan diri mereka di Malaysia pun kita reject apatah lagi persatuan sebagaimana yang telah ditimbulkan oleh Ustaz Zainal tadi. Jadi ini yang sebenarnya yang kita perlu ponder ataupun perlu cari jawapan dan kita sama-sama perlu mengembelengkan tenaga kita untuk membenteras perkara-perkara ini dari segi berterusan.

8.46 mins:

Jadi bagi kita polis diraja malaysia (PDRM) of course kita telah diberikan kuasa untuk kita membuat siasatan dan kuasa juga untuk kita melakukan tangkapan. Baru-baru ini kita telah diberi undang-undang baru, dulunya kita menggunakan ISA. Semasa kita menggunakan ISA dulu adalah suatu - kata orang tu - agak mewah kita, mudah kita mengambil tindakan, tapi of course undang-undang ini yang telah di – apa kata orang tu? - telah diserang dengan bertalu-talu dan akhirnya undang-undang ini terpaksa diketepikan ataupun dimansuhkan oleh kerajaan, dan pada hari ini, walaupun ada POTA, walaupun ada undang-undang baru iaitu undang-undang POCA iaitu Preventive of Crime Act dan jjuga Terrorism Act, yang mana lebih kurang sama tetapi ianya tidak sama seperti mana kita ada ISA dahulu. That's why POTA ke POCA kita perlu produce - apa kata nama? - orang yang kita tangkap ini ke mahkamah untuk kita ambil tindakan. Jadi ini yang berlaku sekarang ini, kita sama-sama tuan-tuan semua dan juga kita pihak polis kita perlu berganding bahu untuk kita membenteras isu-isu yang bersabit dengan keganasan.

9.57 mins:

Ok. Sekarang kita pergi kepada isu keganasan Bersih yang kita hadapi pada hari ini. Bagi kita PDRM ataupun Special Branch ataupun Polis DiRaja Malaysia apa yang kita term-kan sebagai extremis adalah mereka yang bertindak melampaui daripada batas undang-undang ataupun mereka yang telah bertindak melampaui daripada norma-norma biasa. Norma-norma biasa ini bermaksud jenis apa juga amalan biasa yang kita kalau sekirannya ianya diintrodusikan bagi tujuan yang boleh memudaratkan kepada keselamatan Malaysia, yes ia akan menjadikan isu-isu keselamatan. Yang ini kita agak apa...dan bagi aktiviti keganasan ataupun pengganas yang berlaku pada hari ini kita melihat bahawa ISIS ataupun ISIL Ataupun DAESH. Inilah antara pakatan atau kumpulan-kumpulan yang sekarang ini diisytiharkan sebagai kumpulan terrorism atau terrorist ataupun pengganas berdasarkan kepada perilaku yang telah mereka lakukan berdasarkan aktiviti yang telah mereka lakukan, sama ada di dalam Malaysia ataupun di luar negara.

11.07 mins:

Bila kita mengatakan DAESH, di Malaysia ini kita tidak nampak. Walaupun wujud segelintir daripada mereka ini sedang mengembangkan sayap mereka, tapi dalam erti-erti keganasan mereka, masih lagi terpencil. Kalau kita melihat kepada apa yang berlaku di luar negara, yang skel yang besar-besaran, tapi kita tidak boleh menafikan di sini bahawa ancaman mereka tetap serius. Jadi kita perlu mengambil tindakan. Jadi

berdasarkan pengalaman yang telah ada pada PDRM dan Special Branch yang dulunya semasa adanya ISA, kita gunakan undang undang yang sedia ada ini untuk kita mengambil preventive action. Of course preventive action ini adalah apabila suspek, yang kita suspek sebagai keganasan, kita akan menggunakan kuasa undang-undang yang ada untuk kita tangkap dan menjalankan proses tindakan untuk kita menyekat atau membanteras kegiatan DAESH ini.

12:08 mins :

Jadi berdasarkan..saya tidak mempunyai pengalaman yang begitu...mendalam dalam menghadapi individu yang ditangkap kemudiannya, di-interrogate, disoal siasat menghubungi isu-isu DAESH. Tetapi, berdasarkan pendedahan melalui laporan-laporan yang dikemukakan kepada saya dan juga laporan-laporan yang ada dikemukakan oleh pegawai pegawai saya secara langsung atau tidak langsung terlibat dalam proses interrogation ini, kita dapati bahawa kebanyakan kumpulan anak muda kita yang terlibat dalam isu-isu DAESH ataupun IS ini, adalah mereka terdiri daripada golongan-golongan, kata orang tu, kalau nak katakan basic agama tu, pada asasnya saya melihat bahawa banyak daripada mereka tidak mempunyai basic agama yang begitu kukuh ataupun yang kuat.

13:13 mins :

Dalam waktu yang sama kita melihat bahawa mereka ini juga adalah terdiri daripada kumpulan masyarakat yang menghadapi masalah dari segi kekeluargaan. Ini kita melihat...sama ada dia perempuan ke, lelaki yang terlibat..dia punya aspirasi dia. Apabila dia ditangkap, bila kita tanya dia, bahawa mereka hendak pergi berjuang di Syria, di Libya. Untuk tujuan apa? Untuk tujuan bahawa di sana lah mereka boleh kepada jalan..mungkin jalan ringkas untuk mereka pergi ke syurga. Tetapi ada juga kumpulan-kumpulan terpelajar yang turut terlibat. Jadi yang ini yang agak..kalau kita melihat, tapi, yang terpelajar ini adalah mereka yang dari segi pengetahuan agama berdasarkan kelompok-kelompok yang...jumlah yang telah ditangkap so far...correct me if im wrong, saya ...sama ada 340 ataupun 240 *(inaudible)* yang ditangkap so far. Jadi jumlah ini yang...telah ditahan mengikut rekod itu. Saya yakin 240 semua sekali, ya?

14:14 mins :

Dan juga ada juga yang telah didakwa di mahkamah dan ada juga apabila ditangkap, kita dapati bahawa mereka ini, pembabitannya tidak membolehkan kita nak mendakwa di mahkamah because kebanyakannya adalah orang ada ada...segelintirnya adalah masyarakat asing yang datang ke Malaysia yang cuba me..... kita halau dia keluar dari Malaysia ini. Ini yang berlaku sekarang. Tetapi yang paling membahayakan sekarang ini adalah student student kita di peringkat universiti ini. Kita mengetahui bahawa di peringkat universiti ini, ramai student-student asing dari luar negara yang masuk ke Malaysia. Yang ini, yang agak khususnya di UIA ada. Ada 3 universiti yang begitu...yang dibawah pemerhatian cawangan khas. Jadi kita ada kelompok-kelompok mereka daripada negara negara yang sekarang ni tengah bergolak. Kita melihat sekarang Syria sebagai tempat paling utama dan Iraq sebagai satu tempat...

15:10 mins :

Dan juga Iran. Kita tidak boleh menafikan peranan Iran dalam...Arab Saudi dan Iran. Dua ini..peranan dua negara Arab yang besar ini yang menjadi..peranan kepada masalah

yang berlaku di Timur Tengah sekarang, yang membabitkan masyarakat kita juga. Masyarakat kita khususnya kumpulan orang muda kita ini telah cuba dipengaruhi sama ada melalui aktiviti ataupun orang-orang pengarahannya yang ada ataupun melalui media sosial yang begitu..berleluasa sehingga kita agak-agak sukar untuk mengawal peranan media sosial ini. Ini yang pengaruh yang terbesar yang menyebabkan banyak golongan muda kita terlibat pada hari ini. Apakah punca mereka yang terlibat ini? Ini perkara perkara yang mungkin pada petang ini, boleh dijawab oleh segelintir daripada kita punya penceramah pada hari ini yang mungkin mempunyai pendedahan yang berbeza kalau compare dengan kita di bahagian polis ini.

16:08 mins :

Polis ini dia banyak. Dia punya intelligence adalah berdasarkan kepada negara-negara Barat. Negara US misalnya dan juga negara-negara di Eropah. Dan kita sedia maklum bahawa negara ini juga yang menjadi punca kepada terlibatnya, tertimbulnya isu-isu IS. Kita jangan lupa tentang peranan yang dimainkan Amerika dalam menjatuhkan kerajaan komunis di Afghanistan misalnya. Jangan lupa pasal tu, because, di mana Amerika memainkan peranan untuk menubuhkan Al Qaeda misalnya. Al Qaeda ini adalah satu pertubuhan, ini yang saya difahamkan ya, satu pertubuhan yang berdaftar di UK sana, sebagai satu syarikat. Dan suatu ketika dulu, pernah juga dia bid..untuk perniagaan di Malaysia ini. Ada dua tempat yang dia bid. Tetapi apabila kita tahu linknya kepada Al Qaeda, telah ditolak oleh kerajaan Malaysia.

17:06 mins :

Jadi ini sebenarnya peranan, Al Qaeda, Jemaah Islamiyah dan sini semua ini adalah benda yang ada kait mengait antara satu sama lain. Bermula dengan Osama Bin Laden. Siapa dia Osama bin Laden? Kalau kita melihat momokan yang diberi oleh pihak – apa ni? - semasa timbul krisis berhubung dengan bom di PWTC Amerika dulu, tiba tiba saja nama Osama Bin Laden dimainkan hampir tiap tiap hari di dalam TV. Pada ketika itu kita tidak mengetahui siapa Osama Bin Laden sebenarnya. Tapi, all of a sudden nama itu muncul. Dan inilah sebenarnya kemelut kemelut yang berlaku. Kita jangan lupa ya apa yang berlaku pada hari ini mempunya kaitan dengan sejarah yang berlaku di Timur Tengah sendiri ya. Di kalangan negara Arab yang berperang sesama sendiri.

18:00 mins :

Dan satu perkara yang saya nak timbulkan juga pada hari ini adalah apabila kalau kita terlalu sibuk pasal isu isu DAESH, kita lupa tentang siapa musuh kita yang sebenarnya di Malaysia ini. Kita mempunyai banyak musuh...Syiah for example. Inilah salah satu peranan saya pada hari ini adalah saya cuba pergi ke negeri-negeri untuk menimbulkan – apa kata orang 'tu? - membangkitkan kepada semua mufti-mufti yang ada di Malaysia ini supaya meminta mereka ini fokus kepada musuh kita yang sebenarnya, iaitu Syiah. Saya tidak tahu kalau ada antara tuan tuan yang berada di hadapan pada hari ini kalau setuju bahawa musuh kita adalah Syiah. Kalau tak setuju dan saya pun....because saya melihat kepada fatwa-fatwa yang telah diluluskan setakat ini. Hampir kesemua negeri saya rasa telah memfatwakan bahawa syiah itu adalah musuh kepada...terkeluar daripada... Dan satu lagi sekarang ni saya pun ada...persatuan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ada dua saya rasa...

19:03 mins :

Saya pun keliru. Satu Kebajikan Ahli Sunnah Jamaah, lagi satu Ahli Sunnah Wal Jamaah. Jadi kalau orang macam saya ni tak jadi ahli, saya bukan ahli sunnah wal jamaah? Ini soal...saya terima...saya terpaksa timbulkan secara terbuka. Saya pun pelik. Macam mana persatuan persatuan sebegini boleh diluluskan tanpa melalui....Dulu kalau nak lulus sesuatu persatuan, dia kena melalui saya punya bahagian. Iaitu cawangan khas. Untuk kita nilai balik sama ada kita luluskan atau tidak. Sedangkan persatuan sekarang ni ada dua dia punya...sekarang ni JAKIM, Jabatan Kebajikan Islam Malaysia, ataupun KDN. Sekarang ada dua. Authority kita pun menjadi celaru sekarang ni. Mungkin tuan tuan jugak menjadi celaru, khususnya golongan muda pada hari ini. Siapa yang ada authority yamg sebenarnya? Sedangkan sekarang kita menghadapi banyak masalah berhubung perbezaan tentang fahaman. Misalnya, tarekat-tarekat, yang dahulunya JAKIM telah senaraikan setengah daripada tarekat tarekat tidak boleh..sebagai diisytiharkan sebagai tarekat yang terkeluar daripada Islam. Menyelewang daripada akidah sebenar Islam. Tetapi, di peringkat KDN, dipanggil pulak...dibawah satu kesatuan yang dinamakan PERTAMA apa semua kan.

20:20 mins :

Saya rasa berapa hari bulan ni akan adakan satu..dia punya perhimpunan ke apa. Yang ini menjadikan kita agak celaru. Jadi tuan tuan semua lah mempunyai tanggungjawab untuk memperbetulkan ini. Kita polis ni dari segi keselamatan sahaja. Kita tak mau besok, negara kita akan bergaduh sesama sendiri, sepertimana yang berlaku di Indonesia misalnya ya, paling dekat sekali. Sepertimana yang berlaku di Arab sekarang ni..perbezaan. Kita melihat apa yang berlaku di Timur Tengah adalah pertembungan antara puak sunni dan puak syiah sebenarnya. Kalau suatu ketika dahulu, Sunni menguasai setengah daripada negara seperti Iraq, seperti apa semua ni kan. Tapi apabila dijatuhkan oleh Amerika dengan disokong oleh Iran ataupun Israel dan kelompok-kelompok Syiah di Timur Tengah ini, kita melihat bahawa negara tu menjadi huru hara sedikit. Dan ini kemungkinan puak Sunni cuba nak masuk balik untuk mengisi kekosongan tersebut.

21:23 mins :

Inilah sebenarnya konflik yang berlaku di Timur Tengah dan kita tidak mahu konflik sedemikian berjangkit kepada negara kita di Malaysia pada hari ini. Ini yang sebenarnya, saya hendak.... dalam seminar pada hari ini, kemungkinan kita boleh bincangkan dengan panjang lebar berhubung isu ini dan kita cari satu titik yang mana boleh kita...kita jangan jadikan titik perbezaan itu sebagai satu perkara yang boleh menjarakkan kita lagi. Tidak mahu. Perbezaan itu boleh kita ambil sebagai satu..untuk membangunkan kita punya pemikiran. Sekarang ni masalah kita orang Islam ni, kita ni dah dibrandedkan sebagai teroris. Orang kita sendiri pun akan brand kita sebagai teroris. Jadi di mana dia punya....ini satu perkembangan yang agak kata orang itu...kurang sihat, yang kita boleh minta para Mufti..saya ingat tadi ada Mufti..Dato Dr...kalau ada, saya nak sampaikan pada dia, supaya kalau boleh, sampaikan pada rakan rakan kita yang sama sama Mufti sekarang ni.

22:30 mins :

Mufti Perlis lain dia punya itu...dia punya kepalanya. Minta maaf kalau apa *(inaudible)*. Dia kawan baik saya, sampai saya pun sekarang brand sebagai Wahabbi jugak. Hahahaha. Saya sebenarnya bukan..Saya pun tak tahu itu Wahabbi. Saya tahu lah ibn Taymiyyah apa semua tu. Saya baca buku tu. Tapi amalan saya masih seperti mak bapak saya ajar dulu. Itu la ajaran dia. Tapi saya tidak di mana perbezaan Wahabbi

dengan apa...Bagi saya so far Perlis tidak ada menimbulkan masalah yang besar berhubungan terrorist ini, kan? Jadi yang ini yang agak apa... Dan dalam waktu yang sama kita melihat Imam...Mufti di Penang misalnya, berbeza pendapatnya tentang Syiah itu tidak terkeluar daripada Islam. Satu statement yang kadang kadang...Kita pegawai polis bila melihat statement yang singkat, "aish apa sudah jadi ni?". Jadi kita jadi keliru sekarang ni. Ini masyarakat umum ni! Dia kata syiah itu tidak terkeluar daripada Islam. Wahabbi yang terkeluar daripada Islam. Tiba tiba cerita... Cerita pasal Wahabbi ni saya pun confuse sekarang ni. Betul betul...jadi sebenarnya adakah ini satu perkara yang perlu didebatkan pada hari ni?

23:41 mins :

Ini adalah satu persoalan yang saya harap pada hari ini boleh dirungkaikan..secara apa..? Dan saya pun sendiri tercari cari dia punya jawapan untuk tujuan keselamatan. Dan kita ada pulak daripada Pahang. Jadi saya pun bertemu dengan Pahang ni...dengan sama ada dia nak masuk politik ke apa? DAP pun dia... bila kekecohan yang begini, kita melihat bahawa kelompok Syiah ni mula tampil ke depan. Pernah tak berlaku dalam sejarah, kelompok Syiah buat laporan polis menyokong orang-orang tertentu. Khususnya pegawai polis kita. Jadi yang ini saya agak pelik sikit. Dulu kelompok Syiah duduk diam-diam saja. Syiah ni pasal apa, syiah yang ada, yang ada orang daripada Gujerat, India, dan kita ada Pakistan, Afghanistan..Mereka ini tidak membahayakan sangat, pasal apa? Pihak Jabatan Agama Islam telah memberikan syarat mereka bahawa mereka boleh mengembangkan dia orang punya, mereka boleh mengamalkan dia orang punya ideologi, tetapi dengan syarat mereka tidak mengembangkan kepada masyarakat. Dia orang control macam tu. Kalau ada diantara mereka yang berkahwin..dengan..*(inaudible)*, dia akan dikeluarkan daripada apa...

24:56 mins:

Ini saya positif because kita selalu merapati kumpulan-kumpulan ini dan kita dapati bahawa apabila dia selesai sahaja sembahyang, dia akan kunci dia punya masjidnya. Dia tak bagi orang orang Melayu kita masuk dan...because dia memang ikut strictly. Tetapi yang merbahaya sekali apabila orang-orang Melayu sendiri convert into Syiah. Ini agak bahaya. Kalau dulunya, jumlahnya bolehlah kita katakan dalam 100, 200, 300, tapi sekarang ni berdasarkan kepada Hauzah yang mereka ada sekarang ni, dan berdasarkan kepada jumlah aktiviti yang mereka ada hampir setiap minggu, saya rasa jumlah mereka dah menjangkaui lebih dari kita punya expectation. Saya tidak mempunyai jumlah... dan saya sedang berusaha sekarang ini untuk mengumpulkan setiap tindakan ataupun setiap tangkapan yang dilakukan oleh pihak jabatan agama Islam, kita akan rekodkan. Kita nak pastikan bahawa kita mesti mengenalpasti setiap individu yang menjadi ahli sokongan Syiah. Ini penting. Because kalau kita melihat sendiri, saya sebenarnya..dalam saya punya ni...ada, daripada Perlis, bawa ke Kedah, bawa ke Penang, bawa ke Perak, bawa ke Selangor, bawa ke Wilayah, bawa ke Melaka, ke Johor, ke Terengganu, ke Pahang, dan sampailah ke Kelantan...Syiah mempunyai... dia punya, cabang-cabang dia sendiri..

26:25 mins :

Yang ini agak bahaya sekali. Dan kebanyakan Syiah ni adalah orang Melayu kita. Orang Melayu kita yang telah ke dalam tu...kita ambil contoh. Di..yang sekarang ni perkahwinan mutaah di kalangan apa... Ini perkara paling simple sekali, iaitu kahwin mutaah dan apa juga dia punya apa kan, tapi kita tidak tahu apa sebenarnya dia apa. Dan kita mengetahui sekarang ni bahawa puak puak Syiah ni telah membeli beberapa

masjid. Ada 3 masjid di Satun (Thailand) sana yang telah dibeli dan juga bangunan di Tangalam sana untuk dijadikan sebagai tempat diorang nak trainingkan. 200-300 orang anak anak muda kita untuk dihantar pergi ke sana dan apabila mereka selesai dan mereka berjaya menjadi penceramah yang bagus dan boleh...mereka akan dihantar ke Malaysia untuk tujuan apa? Serap masuk.

27:14 mins :

Dan kalau kita melihat pada kelompok-kelompok Syiah yang ada sekarang ini, memang kita mengetahui bahawa mereka ini telah berjaya memasuki dalam kelompok masyarakat kita. Ini yang dia punya bahaya...jadi syiah ni, dia buat sekarang ni, apa yang berlaku dalam di Timur Tengah pada hari ni adalah pertembungan antara Syiah dan Sunni di Syria, di Iraq, just name it mana tempat dia. Even di Arab Saudi, di Yemen sekarang ni yang berlaku. Kalau kita melihat la ya. Ni kita kena buka minda di situ. Tidak mustahil ia akan berlaku di Malaysia apabila kelompok kelompok syiah ni satu hari aakan menjadi kuat. Dan kita pada hari ini memerhatikan bahawa belum ada lagi satu, Syiah ini belum ada satu pemimpin, satu yang boleh diorang... kalau mereka ada satu pemimpin yang boleh menyatukan puak puak Syiah yang ada pada hari ini, ia akan menjadikan satu perkara yang paling memudaratkan pada keselamatan kita. Yang ini lah yang saya minta mufti mufti supaya fokus kepada Syiah.

28:20 mins :

Kita mempunyai penceramah yang ada sekarang ini. Di Utara, di Kedah..tapi of course, penceramah penceramah yang menentang Syiah ni, dia tidak diconsolidatekan sebagai satu...workforce yang boleh kita lawan. Dan kita mempunyai penceramah yang bagus, tapi ada setengah daripada penceramah ni telah disenaraihitamkan pasal kaitan dengan Wahabbi lah apa semua, saya pun pelik juga kan, ni kuasa kuasa... Saya agak kesian jugak lah. Saya suka dengar ceramah ceramah khususnya daripada penceramah yang muda-muda ini because kadang kadang kita ....kata apa orang tu?... saya ni dilahirkan dalam satu kelompok..Islam ni kita ambik dari ibu bapa kita. Dulu bapak kita hantar kita mengaji, hantar kita pergi sekolah ugama, tapi pergi sekolah ugama pun memonteng jugak dulu walaupun satu sesi itu dia bagi apa... tapi kesedaran tu wujud.

29:15 mins :

Semasa di universiti pun kita ambil pendekatan. *(inaudible)* pendekatan pendekatan Islam dalam bentuk..yang boleh kita..dulu mungkin kerana ustaz ustaz dulu...minta maaf, ni ustaz kampung saya refer ya, mungkin ada pengaruh sikit daripada India etc, yang tradisi, adat-adat daripada Indonesia, yang kita terpengaruh kat situ, so mungkin tradisi tradisi tersebut tidak sesuai lagi untuk digunapakai. So, itu tak semestinya kita sebagai orang yang extreme. Itu yang saya nak timbulkan d sini.

29:53 mins:

Yang penting di sini ialah fokus kita kepada, apakah sebenarnya ancaman selain daripada DAESH. Because why? DAESH dan IS ni timbul disebabkan oleh isu-isu yang kemungkinan pihak kerajaan kita gagal untuk menangani isu ini. Kemungkinan, termasuk diri saya sendiri dan juga pihak polis sendiri. Dan juga mereka yang mengkaji tentang isu isu, because dalam Special Branch ni kita ada, sebelum dia mencetus jadi terrorism, extremism...dia ada bahagian -bahagian yang akan study tentang extremism ini.

30:30 mins:

Jadi tarekat, tarekat yang menyeleweng, dan kumpulan-kumpulan yang ajaran yang salah. Kita akan kaji kat situ, sebelum dia melarat menjadi militan, radikal dan juga akhirnya akan menjadi teroris. Sementara kita nak sekat daripada jadi teroris tu, kita perlu... khususnya bagi golongan muda, supaya mereka ini sedar apakah ancaman-ancaman yang mereka hadapi pada hari ini. Yang ini yang sebenarnya yang ingin kita sampaikan pada hari ini.

30:58 mins:

Jadi...ke arah itulah sekarang ni, masyarakat di Malaysia ini, kalau kita tengok balik kepada BERSIH ataupun kuning ni yang nak mengadakan 19th Haribulan. Kita lihat balik, siapakah yang menerajui kumpulan-kumpulan ini, yang kononnya, dia punya tuntutan...ada 5 tuntutan yang telah saya gariskan tadi... Satu dia nak adakan pilihanraya yang bersih, kerajaan yang bersih, hak....dan last sekali hak Sabah dan Sarawak or something. This is tuntutan yang mereka....yang sebenarnya apa yang mereka tuntutkan, semuanya telah ada.

31:43 mins:

Ok, tetapi satu kita mesti ingat bahawa tuntutan mereka supaya lebih liberal lagi, supaya kerajaan kita liberal daripada visi Islam. Kalau tuan tuan melihat sekarang ni, kenapa isu murtad timbul selepas pilihanraya 2004 saya rasa, sorry 2008, apabila kerajaan Barisan Nasional failed to secure two-third majority. Ini sebagai cut-off date dia, dan kita melihat isu murtad timbul. Desakan-desakan daripada gereja ni supaya membolehkan menggunakan kalimah Allah. Sedangkan sebelum ini kita tidak pernah dengar isu kalimah Allah digunakan di dalam gereja. Saya ni dah berapa tahun saya telah mengkaji tentang isu-isu extremism, tidak pernah saya dengar orang Iban cakap, "kita melihat pada Allah taala". Ini perkataan perkataan yang selalu disebut apabila isu ni ditimbul. Kenapa Allah taala..dia punya apa...ni orang orang gereja, kadang kadang kita tidak boleh gunapakai perkataan *(inaudible).*

32:43 mins:

Jadi ini kita melihat, apabila kita orang melayu berpecah, orang-orang Islam berpecah, ada pihak yang akan mengambil kesempatan. Dan isu ini masih berterusan pada hari ini, you see. Dulu kita ada ISA kita tangkap. Saya pernah tangkap dulu. Kalau tuan tuan masih ingat ya, Joshua Jamaluddin, dan Hilmy Mohd Noor, ini anak Mufti Selangor dulu. Hilmy Mohd Noor...dia punya bapak adalah mufti Selangor dulu. Dan kita ada Kamaruddin Ahmad ataupun Kamaruddin Yusof, lebih kurang. Ini yang dulu-dulu kita tangkap di bawah ISA dan semasa dalam proses interrogation, di mana kita dapati bahawa kebanyakan mereka ini adalah, dulu pernah pergi ke Singapore dan pergi ke Eropah, dan mereka di-train oleh pihak pihak gereja sampai ada di antara mereka telah dapat Diploma in Theology untuk dia orang ini menyebarkan...dan mereka dilepaskan ke dalam Malaysia dan disponsor untuk menjalankan gerakan underground dan of course, target mereka, dia tidak pergi kepada masyarakat Islam yang biasa. Kalau dia orang pergi, memang dia orang kena katuk la.

34:00 mins:

Dia orang pergi kepada those golongan yang tidak ada rumah. Those rumah yang ada AIDS punya penyakit, ibu tunggal, dan banyak lagi. Dan orang orang ini dulu pernah kita tangkap bawah ISA, dan kita cuba...setengah mereka telah menjadi paderi, dan tuan tuan jangan terkejut bahawa di kalangan rakyat orang Melayu kita, ramai telah jadi paderi. Satu saya ingat ada di Sabah, kalau dia duduk kat Malaysia ini, praktis di Malaysia, lebih banyak NGO-NGO khususnya di kalangan tuan-tuan semua akan *(inaudible)* tapi di Sabah Sarawak mereka masih lagi bersembunyi di bawah gereja. Di Sarawak pun mereka ada yang mempropagate, menjalankan, dan kumpulan tersebut makin lama makin membesar sekarang ni. Dan kita dengan few NGOs Islam sekarang ni tengah berusaha untuk kita trace orang ini dan kita...apa, fight back-

34:55 mins :

Tapi of course dalam waktu yang sama kita perlukan kerajaan. Tapi kerajaan perlu melakukan ini dengan secara subtle kerana isu isu politik yang bercambah pada hari ini bahawa untuk kita, kalau nak memperkukuhkan, nak memperkasakan balik kuasa orang orang Melayu dan orang orang Islam ni, kita perlukan sekurang kurangnya two-third majority untuk kita nak....ini penting bagi kita. That's why kita sekarang ni berdoa kalau boleh PAS jangan balik kepada Pakatan Rakyat. Minta maaf kalau saya terpaksa selok sikit kepada politik. Bagi kita, Special Branch dan PDRM, because bagi kita PAS ni, peranan PAS amat penting khususnya dalam memperkasakan balik...dulu kita bergantung banyak pada Al-Arqam, tapi Al-Arqam dia menyeleweng. Kita terpaksa disbandkan dia orang.

35:53 mins:

Tapi hari ini, kalau boleh kita mahu supaya PAS menjadi rakan, supaya kita boleh sama sama...kerana kita menghadapi banyak cabaran sekarang ni. Ni yang penting ni.

36:05 mins:

Jadi saya tidak mahu ambil lebih daripada masa, because saya difahamkan bahawa we have to play strict to the time, tapi saya akan tunggu sampai petang. Saya harap ada masa untuk kita sama-sama berdiskusi tentang...tuan tuan boleh tanya...saya rasa tidak ada masalah kerana kita anggap ni sebagai satu sesi ilmiah yang kalau boleh...Saya amat bersyukur kepada pihak penganjur dan kita selalu meminta penganjur supaya menganjurkan sesi sesi penerangan ini supaya kita melihat masalah yang ada pada hari ini adalah masalah yang perlu kita sama sama tangani. Kita tidak boleh biarkan. Syiah adalah musuh kita. Banyak sekarang ni kalau saya nak gariskan, mereka ada dalam badan kehakiman pun mereka ada. Itu menjadi masalah untuk kita membawa kes-kes Syiah ini ke mahkamah. Mereka juga ada dalam komplot Jabatan Agama Islam, JAKIM sendiri, you see.

37:13 mins:

Ini memang tidak dinafikan dan mereka juga ada dalam kelompok polis sendiri. Malah sekarang ni salah seorang daripada *(inaudible)* adalah polis kita, bekas Special Branch dulu. Iaitu Wan Abdul Malik Takim(?). Saya beritahu nama. Kita punya Sarjan atau Sarjan Major dulu di Johor Bharu. Dia dulu diarahkan supaya memantau atau menjalankan aktiviti pembanterasan terhadap Syiah ini. Tiba tiba hari ini dia menjadi ketua pada Syiah di Johor. Jadi ini yang sebenarnya, kita tidak tahu. Because sekarang ini meminta..because in terms of finance dan juga kedudukan kewangan, mereka...

because kita perhatikan bahawa pihak pentadbiran begitu kerap membantu dia orang ini. Kita persoalkan baru baru ini, dalam sejarah, tak pernah lagi Presiden Iran datang melawat ke Malaysia kan. Tiba tiba sahaja Presiden Iran datang melawat dan orang yang bertanggungjawab ialah kita punya Syed Mokhtar Bukhary, orang kaya, multimillionaire. So this is a big question mark yang perlu kita fikirkan bersama. We have to find some positive action untuk kita ambil tindakan, dan kita jangan...hentam menghentam ni kita jangan. Kalau boleh sama sama kita sit down and then...ah.. kita ambil satu pendekatan.

38:34 mins:

Because orang Syiah ni makin lama makin bold. Dia cakap bahawa Jabatan Agama Islam tak boleh apa...cuma polis sekarang kita masih lagi ada POTA. Dia takut kalau kita gunakan POTA dan POCA. That's why kalau boleh dia jauhkan daripada senjata api. Kalau dia pegang saja pistol kita akan tangkap dengan POTA. itu sekarang ni yang dibawah SOSMA dan apa, kita akan cuba sekat. Tapi peliknya sekarang ni mereka ada di Putrajaya. Ini yang kita, kita Specail Branch kita melihat, kita tidak mahu berselindung dalam hal ni, dan kita mesti positively identify them dan kalau boleh, tak kira lah dia Ismailliyah ke, jaffariyah ke, kita melihat Syiah ini sebagai satu. Maknanya kalau dia Syiah, dia Syiah. Tak kisah dia Jaffariyah ke, Ismailliyah ke, and then macam macam. Saya terpaksa ambil pegawai saya yyang pakar dalam bidang agama. Ada yang belajar di Jordan, ada yang belajar di Al-Azhar. Cuma yang tak ada dari Qom sahaja belum lagi kami akan cari dari Qom...ataupun daripada Karbalah yang kita nak bawah masuk dan kita kaji. Because bagi saya macam ini, it's very simple, orang putih cakap: It takes a thief to catch a thief. Maksudnya kalau kita nak tangkap pencuri, kita mesti menjadi pencuri ataupun pemikiran kita mesti jadi macam pencuri jugak. Janganlah kita, orang tu, kita nak ban orang tu. Tak boleh la. Yang melakukan keganasan adalah orang jahat. Islam yang jahat, orang Islam yang apa. Islam tidak menyuruh atau melatih orang untuk melakukan keganasan. Yang melakukan keganasan adalah mereka yang terpesong dari ajaran sebenar.

40:13 mins:

Jadi itu saja yang saya nak...minta maaf tergelincir 2-3 minit. Sekian saja. Saya akan menunggu sebelah petang untuk sesi soal jawab, dan saya mengharapkan bahawa tuan tuan tampil ke depan untuk tanya ahli ahli panel / penceramah pada hari ni. Saya rasa mereka dan juga termasuk saya akan cuba sedaya upaya untuk menjawab soalan-soalan yang tuan tuan ajukan. Sekian sahaja. Assalamualaikum.

EXHIBIT

Video filename: "2016.11.06 Seminar Belia Menentang Keganasan YBhg DCP Datuk Awaludin Jadid.mp4"

Downloaded from original source on YouTube

"Seminar Belia Menentang Keganasan | YBhg DCP Datuk Awaludin Jadid"

Page: **MISHKAH MEDIA**

Uploaded on 13 December 2016 (a recording of an event on 6 November 2016)

40:49 mins

ORIGINAL SOURCE LINK:

https://www.youtube.com/watch?v=hQxtX5oh-xQ



The Event Poster:

Date of Speech: 6 November 2016
FULL TRANSCRIPT OF 40.49 MIN VIDEO
(Transcript date: 30 June 2018)

Speech starts at 00:28 min

In the name of Allah, the merciful and compassionate...

Thank you to the chair of today's gathering, also to the honoured Ustaz Zainal Abidin, who representing the Mufti of the Federal Territory of Kuala Lumpur today. Also to my friend Ustaz Ahmad Baizawi as today's head organiser. First of all, I wish to thank the organisers for today's seminar for inviting me to present on security issues overwhelming our country today and the specialisations I see... I am looking at the list of today's presenters and papers to be presented...many are focused on terrorism issues connnected to Daesh or IS, which I think for the last few years is an issue frequently aired, frequently in the newspapers and is a topic of many debates that directly or indirectly affect us as Muslims whether in Malaysia or in the world. What we see today is that there are many different beliefs....differing opinions, so that even in Malaysia, we observe that there are certain parties that – what? – whose type of debate is not necessarily...the debate that we ought to welcome. But actually, that is what is happening right now.

2:35 mins:

So looking at presentation topics today, I think the presentations by speakers in the afternoon will be more specific about issues connected to Daesh and IS. So I informed the organisers that I prefer to wait till this evening for my question-and-answer session, because then there will be an explanation or a question-and-answer about terrorism.

3:06 mins:

In the 35-40 minutes I have been given this morning, I will attempt to give you some information regarding current issues such as involvement in polemics against the Muslim community that we are facing today, especially regarding issues of terrorism.

3:26 mins

Observations from yesterday and probably also today, watch out for the 19th. On November 19th, a very large gathering will be organised by a group that calls itself BersihHowever, I call it 'Yellow', and not 'Bersih' because 'Bersih' gives the impression that they are truly clean in everything. That's why I will call them the 'Yellow Group'. Thus, November 19th is the date they have set in their minds... so actually I want to show the connection here that even though this group 'Bersih' is not so significant with regards to issues of terrorism, yet we can see that the political polemics we are up against currently is veering towards terrorism which can grow into social conflicts, especially among the young people. I understand that the young adults who are here in front of me now are from the National Defence University, Malaysia *(Universiti Pertahanan Nasional Malaysia)*. Right? Therefore, we need everyone to understand the problem we are facing right now, other than the problem of IS terrorism.

4:39 mins

In actual fact, to discuss the matter of IS threats, I was really hoping to sit down with Datuk Ayob Khan, as according to what he knows, he can update us on information pertaining to IS; this is an important matter because he is a person all of us think of as ... as a man who is an expert in this

field... that is the area of terrorism, aggression and he can connect the dots in a detailed manner about the problem with DAESH, and with IS. He does not know much from a political angle, but we can see how it is understood among individuals that are involved themselves and this we want to know. I, too, want to know when these individuals are caught for their involvement in... in terrorist groups, how they can be involved, when, at one time they themselves were taught as children by their parents; taught to be good people so that they will become good Muslims. So then, why did they go astray and be led into activities of terrorism that has been propagated by a handful of people?

5:45 mins

We understand that DAESH is actually an issue of terrorism, and it is actually not a new matter. We, from the Special Branch, we of course, have done our research from the beginning regarding the existence of groups like al-Qaeda group, Jemaah Islamiyah. Actually, they are not very different because it only reflects a change in name only; however, their basic struggles are the same and we also like to inform you how they resort to merciless violence to the extent of bombing... what is this...a community that lives together and then kills one another; this we want to know where the fault lies and why this happens so this is what we know, but in this matter, we need someone with expert knowledge; someone who can confront those individuals who have been detained and then, we can sit together, we will discuss together, we will question them together to get their answers so that we can fulfil what we need. This is important for...

6:52 mins

This kind of investigation has been conducted by the Special Branch during the matter of proselytizing previously. It is an even bigger issue. I still remember Dato Dr Fathul Bari who helped me during the apostate issue when we went up against several people from the Muslim community or even when several of our Muslims were approached by specific groups of people from the Christian community who call themselves 'neglected people's worker' of an underground organisation that was created to lead Muslims astray (convert them) and make them apostates. This we want to know how these people can be converted when they were born as Muslims and when they reach maturity they convert to Christianity. Why? One of those people is the son of the Selangor Mufti *(Religious Head of the state of Selangor)*. This makes me a little confused. Isn't the father a Mufti in the state of Selangor? Yet, somehow, he was converted to become a Christian due to some minor issues that happened... and this actually we want...

7.58 mins

I see a similarity in the issues related to terrorism and issues related to apostasy among the Muslims. This has happened, and this matter is still ongoing until today. And earlier, this matter was raised by Ustaz Zainal regarding an application to register an organisation of Malaysian Malay Christians. They were trying to register as a society when the Shi'a group also attempted to register themselves in Malaysia but we rejected them; what more, if it is an organisation as described by Ustaz Zainal earlier. So, we need to ponder on this matter or find a solution by putting all our efforts together to prevent issues such as this from continuing.

8.46 mins

So, for us in the Malaysian police force (PDRM), we, of course, have been given the authority to carry out investigations and rights to arrest. Recently, we have been informed of new laws. Previously, we used the *Internal Security Act* (ISA). When we were using the ISA before, it was a bit

of a luxury for us because it was easy for us to take action. However, these laws have been attacked incessantly and eventually, these laws had to be abolished by the government., Today, even though we have POTA, the new law POCA which is Prevention of Crime Act and also the Terrorism Act, and they appear to be similar, they still don't work like the previous ISA law. So, with this POTA or POCA or whatever, we need to produce the arrested persons in court for action to be taken. This is what is happening now. We, the police and all of you, have to jointly work together to eradicate the problems associated with terrorism.

9:57 mins

OK. Now, let's move on to the matter of *"Bersih"* violence that we are faced with today. For us in the Police Force or even in Special Branch, what we term as *'extremist'* are those whose extreme actions are described as going beyond the limits of the law or those who have acted outside the usual norms. The usual norms mean if any type of normal practices that have been introduced with the intention that it will be likely to endanger the safety of Malaysians, yes, then it becomes a security matter. In relation to terrorist activities or terrorism that we see happening today, groups like ISIS, ISIL or DAESH have been declared as terrorist groups according to the actions they have taken or behaviour displayed, be it within Malaysia or outside the country.

11:07 mins

When we speak about DAESH, we don't see them in Malaysia. Although there exists a small number who are currently trying to spread their wings. However, in the context of terrorism, they are still an isolated group. If we look at incidents that happen in other countries, they are on a larger scale. However, we cannot deny that the threat is serious. Therefore, we have to take action. Thus, based on past experiences of the Malaysian Police Force and Special Branch, when they were operating under the ISA, we used the existing laws of the time to take preventive action. Of course, this preventive action is used against terrorist suspects. We would use the authority under existing laws to arrest and take action in order to prevent or eradicate DAESH activities.

12:08 mins

diterima nama sebenar Joshua ialah **Hilmi bin Hanim (No.K/P:** [redacted] Alamat yang dinyatakan adalah B6-4-15 Jalan Bagan 21, Taman Bagan Butterworth, Pulau Pinang. Namun tiada maklumat tambahan mengenai isteri Joshua. Daripada 6 Mac 2017 sehingga 7 April 2017, pengadu tidak hadir untuk memberikan keterangan di Balai Polis Sg. Way. Saya telah cuba menghubungi pengadu beberapa kali pada 7 April 2017 jam 11.18 pagi, namun panggilan tidak dijawab. Pada jam 11.31 pagi saya telah menghubungi no telefon 012-[redacted] yang terdapat di dalam laporan polis SG.WAY/002249/17). Panggilan telah dijawab oleh seorang lelaki yang memaklumkan beliau adalah peguam kepada pengadu. Nama peguam tersebut ialah Suaran a/l Himat Singh dan beliau memaklumkan bahawa beliau sendiri tidak dapat menghubungi pengadu. Pada jam 1.00 petang, saya telah memaklumkan kes tersebut kepada OCS dan telah mendapat arahan supaya membuka kertas siasatan KEP Orang Hilang (OH). Mengikut prosedur polis, selagi tiada butir-butir peribadi termasuk nama dan alamat lengkap, pihak polis tidak dapat membuka sistem Police Report System (PRS) untuk membuat RJH (Ringkasan Jenayah Harian). Apabila telah mendapat butir-butir yang ada, pihak polis boleh membuka KEP Orang Hilang. Kemudian kertas siasatan melalui sistem telah dibuka iaitu **Kertas Siasatan No: PJ/JP/KEP (OH)/ 00008/17.** Saya telah memasukkan butir-butir maklumat ke dalam sistem PRS.

Pada 8 April 2017 jam 10.00 pagi saya telah menghantar surat kepada Jabatan Imigresen untuk semakan rekod pergerakan keluar masuk ke dalam dan luar negara.

Pada 10 April 2017, jam 9.20 pagi, pengadu telah datang ke Balai Sg. Way dan saya telah merekodkan keterangan percakapan pengadu. Semasa mengambil keterangan bersama pengadu, pengadu telah memberi no. Telefon Joshua iaitu 011-[redacted] Pengadu memaklumkan bahwa beliau telah mengenali Joshua Hilmi selama 3-4 tahun. Pengadu telah memaklumkan bahawa beliau tidak mengetahui alamat beliau namun belaiu tahu pergi ke lokasi alamat rumah Joshua. Pengadu juga tidak mengetahui jumlah ahli keluarga, anak, no Pendaftaran kereta Joshua dan juga pekerjaan. Pengadu tidak mempunyai maklumat sepenuhnya mengenai Joshua Hilmi. Saya telah cuba menghubungi no yang diberikan, namun tiada dalam perkhidmatan.

[redacted]

Pada 11 April 2017 jam 9.24 pagi, saya telah menghubungi no telefon Joshua melalui telefon balai. Namun panggilan masih tiada dalam perkhidmatan. Saya telah menghantar surat kepada SKMM untuk mendapatkan pengesahan rekod melalui no telefon yang diberi.

Pada 18 April 2017, jam 11.30 pagi saya telah menghubungi pengadu dan bertanyakan mengenai Joshua. Pengadu memaklumkan bahawa tiada perkembangan lain dan saya juga memaklumkan pihak polis juga tidak mempunyai maklumat terbaru mengenai Joshua. Kemudian saya memaklumkan bahawa pihak polis telah menjalankan tindakan untuk mendapatkan rekod pergerakan keluar masuk ke Jabatan Imigresen dan rekod panggilan keluar masuk Joshua ke SKMM. Saya juga memaklumkan kepada pengadu bahawa pihak polis masih belum mendapat sebarang jawapan daripada Jabatan Imigresen dan SKMM. Pada jam 2.00 petang, saya cuba sekali lagi menghubungi Joshua melalui no yang diberikan oleh pengadu, namun masih sama. No tersebut tiada dalam perkhidmatan.

Pada 19 April 2017 jam 8.30 malam, saya telah beberapa kali menghubungi pengadu untuk mengetahui perkembangan mengenai rakannya, namun panggilan tidak berjawab.

Pada 20 April 2017, jam 5.15 petang saya telah menghubungi pengadu dan panggilan dijawab oleh pengadu. Saya telah emamklumkan jika terdapat perkembangan terkini, pihak polis akan berhubung dengan pengadu.

Pada 22 April 2017 jam 11.45 pagi, saya telah menghubungi pengadu dan memaklumkan pihak polis tidak mempunyai perkembangan terbaru mengenai kes perkembangan.

Saya telah menerima surat maklumbalas daripada Jabatan Imigresen bertarikh 10 April 2017 memaklumkan bahawa Jabatan Imigresen tidak mempunyai sebarang rekod pergerakan keluar/masuk bagi penama Joshua. Pengadu telah mengetahui tentang perkara ini.

[redacted]

Maklumat tambahan lain?

Semasa semakan no. Kad pengenalan dibuat di dalam sistem pihak polis, nama Joshua Hilmi bersabit dengan polis repot (No.Repot: CHEMBONG/001417/14) telah direkodkan di Rembau, N.9 oleh :

Nama: Mohd. Salam bin Sarip (No.K/P: [redacted]) iaitu Ketua Wira Perkasa DUN Chembong, Parlimen Rembau

No.telifon : [redacted]

Alamat: No.75 Desa Chembong, 71300 Rembau Negeri Sembilan

Umur: 62 Tahun

Repot telah dibuat pada: 27 Jun 2014.

Repot tersebut adalah berkaitan satu kenyataan di Facebook yang menghina Allah dan Rasul seperti ***"APA PUNYA BODOH LAH MUHAMMAD ITU! SEMUA JADI BAHAN BENCINYA! ANJING BABI CICAK. PADAHAL BINATANG ITU BAIK.***

ANJING: BOLEH JAGA RUMAH

BABI: MAKANAN YANG ENAK DAN ORANG YANG MEMAKANNYA BOLEH PANDAI DAN MAJU ORANG YANG TIDAK MENERIMA AJARAN GILANYA, DISURUH BUNUH! MUHAMMAD MEMANG PESURUH SETAN DAN ALLAH ITU SETAN. SEPAK KEPALA ALLAH."

Repot tersebut juga menyatakan supaya pihak polis mengambil tindakan individu yang mempunyai akaun Facebook di atas nama Joshua Hilmi kerana kenyataan yang dikeluarkan di dalam facebook tersebut boleh menimbulkan huru hara. Untuk repot ini tidak di siasat oleh saya.

Rakaman percakapan tamat.

[redacted] .... [redacted]

Tandatangan Saksi Tandatangan Penterjemah Tandatangan Pegawai Merekod

Masa: 11.20pm Masa: 11.25 pm

[redacted]

Pengesahan dan persetujuan saksi (Witness's verification and consent)

Saya membuat keterangan ini di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 untuk penilaian Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya). Saya faham bahawa maklumat peribadi yang diberikan di dalam borang keterangan ini diperolehi di bawah kuasa Akta tersebut. Saya bersetuju agar segala maklumat dan dokumen mengenai saya yang berkaitan dengan keterangan ini diberikan kepada Suruhanjaya. Saya juga bersetuju untuk keterangan dan maklumat yang diberikan ini digunakan dan/atau didedahkan untuk tujuan siasatan Suruhanjaya sebagaimana yang diperlukan oleh Akta tersebut. Oleh itu, mana-mana maklumat yang saya berikan boleh dikongsikan **sepenuhnya / sebahagian** dengan mana-mana pihak yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya.

Saya mengakui bahawa maklumat yang saya kemukakan ini adalah benar setakat pengetahuan dan kepercayaan saya.

(I am giving this statement under the Human Rights Commission of Malaysia Act 1999 for assessment by the Human Rights Commission of Malaysia (the Commission). I understand that the personal information provided in this statement is collected under the authority of the Act. I consent to the release to the Commission of all relevant information and documents concerning me for the Commission's inquiry. Such information is to be used and/or disclosed for the purpose of the inquiry or as otherwise required by law. As such, **all / certain** information that I provide may be shared with any parties that the Commission considers necessary to share the information with.

I declare that the information I provided is true to the best of my knowledge or belief.)

Tandatangan pengadu :
Complaint's signature

[redacted]

Tarikh: 6/7/17
Date

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

KETERANGAN

DI BAWAH SEKSYEN 14(1) (a) AKTA SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA 1999

Nama Saksi: Sarjan Ahmad Sibee bin Nordin		Lelaki
No. Kad Pengenalan : [redacted] (RF 82829)	No Paspot:	Bangsa: Melayu
Kerakyatan: Melayu	Tarikh & tempat lahir: 2/2/1959 di Tg. Malim	Umur: 59 tahun
Pekerjaan: Sarjan (Aktiviti) di Balai Polis Petaling Jaya		
Alamat tempat kerja: Balai Polis Petaling Jaya		No. Telefon: [redacted]
Alamat rumah: E 21 Taman Mawar 1, Jalan Lombong Perak 3 29/15A, Seksyen 29, 40600 Shah Alam		No. Telefon:
Pegawai Merekod: Muhammad Faiz Abd Rahman		
Tempat: Pejabat SUHAKAM Tgkat 13, KL		
Tarikh: 4 September 2018	Masa: 9.20 am	Bahasa: Melayu

Sebelum merekod keterangan ini, saya telah memaklumkan kepada pengadu peruntukan seksyen 15 (1) & (2) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 seperti berikut :-

Seksyen 15. Keterangan di hadapan Suruhanjaya.

(1) Seseorang yang memberikan keterangan di hadapan Suruhanjaya hendaklah, berkenaan dengan keterangan itu, berhak mendapat segala keistimewaan yang berhak diberikan kepada seorang saksi yang memberikan keterangan di hadapan mahkamah undang-undang berkenaan dengan keterangan yang diberikan olehnya di hadapan mahkamah itu.

(2) Tiada seorang pun boleh, berkenaan dengan apa-apa keterangan, bertulis atau lisan, yang diberikan oleh orang itu kepada atau di hadapan Suruhanjaya, dikenakan apa-apa tindakan atau prosiding, sivil atau jenayah dalam mana-mana mahkamah kecuali apabila orang itu dipertuduh memberikan atau merekakan keterangan palsu.

Soalan : Adakah anda faham peruntukan Seksyen 15 (1)&(2) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 di atas?

Jawapan : Ya

....

Tandatangan Saksi Tandatangan Penterjemah Tandatangan Pegawai Merekod

Exs 111 B

1. **Boleh Tuan berikan nama, Jawatan dan Unit di mana Tuan bertugas pada masa kini? Berapa lamakah Tuan telah berkerja dalam Pihak PDRM?**
   Nama saya Ahmad Sibee bin Nordin dengan no. Kad pengenalan [redacted]. Saya kini menetap di alamat E 21 Taman Mawar 1, Jalan Lombong Perak 3, 29/15A, Seksyen 29, 40600 Shah Alam. Saya kini sedang bertugas sebagai Sarjan Aktiviti di Balai Polis Petaling Jaya. Saya telah berkhidmat di dalam PDRM sejak tahun 1979 sehingga kini selama 39 tahun.

2. **Adakah Tuan pernah berjumpa dengan Joshua Hilmi atau isteri beliau Ruth Hilmi sebelum November 2016?**
   Tidak pernah.

3. **Bilakah Tuan menerima laporan mengenai kehilangan Joshua Hilmy dan isteri beliau Ruth Hilmy?**
   Pada 6 Mac 2017, saya dimaklumkan oleh Pegawai Enkuiri, Konstable (RF 188697) mengenai satu laporan polis (SG. WAY/002249/17) yang dibuat oleh Encik Peter Pormannan a/l Annamalai (No.K/P: [redacted]) di IPD Klang Selatan. Saya telah menghubungi Encik Peter Pormannan untuk mendapatkan butir aduan. Saya telah dimaklumkan oleh Encik Peter bahawa beliau telah lama tidak berhubung dengan rakannya iaitu Joshua Hilmy dan isterinya. Encik Peter juga telah cuba menghubungi rakannya tersebut namun tidak dapat dihubungi. Kali terakhir mereke berhubung adalah pada November 2016 melalui panggilan telefon. Hubungan mereka adalah sekadar kawan. Encik Peter memaklumkan kepada saya bahawa Joshua Hilmy tinggal di Kg. Tunku, namun beliau tidak mempunyai alamat yang lengkap. Kemudian saya memaklumkan kepada Encik Peter untuk hadir ke Balai Polis Sg. Way untuk direkod keterangan pada jam 6.00 petang hari sama. Walaubagaimanapun beliau tidak hadir.

4. **Apakah tindakan awal yang telah diambil oleh pihak Tuan terhadap laporan polis yang dibuat oleh pengadu?**
   Sejak daripada laporan polis dibuat iaitu pada 6 Mac 2017, saya telah menghubungi Encik Peter beberapa kali untuk hadir memberi keterangan namun beliau gagal hadir. Saya juga telah menghubungi no. telefon 012-[redacted] yang terdapat di dalam laporan polis SG.WAY/002249/17 dan mendapati bahawa no. telefon tersebut adalah milik peguam Encik Peter iaitu Suaran a/l Himat Singh. Peguam Encik Peter juga telah memaklumkan bahawa beliau tidak dapat menghubungi Encik Peter sebelum in. Setelah gagal menghubungi Encik Peter, saya telah mendapatkan maklumat awal dan menjalankan beberapa tindakan-tindakan lanjut. Antaranya ialah:-

(i) Pada tarikh 14 Mac 2017, Ketua Balai Polis Sg. Way (OCS) Inspektor Shafiee bin Marsidi (G 17036) telah menghubungi Encik Peter untuk bertanya maklumat lanjut mengenai laporan polis. Encik Peter memaklumkan beliau tidak mempunyai alamat penuh Joshua Hilmy. Encik Peter memaklumkan bahawa Joshua Hilmy mempunyai sebuah kereta jenis Perodua Kancil namun beliau tidak mengetahui no. Plat pendaftaran kereta beliau. Encik Peter juga tidak mengetahui pekerjaan Joshua Hilmy dan memaklumkan beliau sering berpindah randah. Encik Peter memaklumkan kali terakhir berjumpa dengan Joshua Hilmy adalah di Klang pada 3 tahun lepas. Kemudian, OCS Sg. Way memaklumkan kepada Encik Peter supaya menyalurkan sebarang maklumat lain jika ada perkembangan mengenai Joshua Hilmy.

(ii) Pada tarikh 7 April 2017, saya telah menerima maklumat melalui applikasi Whatsapp berkenaan gambar, dan butir-butir Joshua Hilmy daripada OCS Sg. Way. Melalui maklumat diterima nama sebenar Joshua ialah **Hilmi bin Hanim (No.K/P: [redacted]** Alamat yang dinyatakan adalah B6-4-15 Jalan Bagan 21, Taman Bagan Butterworth, Pulau Pinang. Namun tiada maklumat tambahan mengenai isteri Joshua. Saya tidak pasti daripada mana OCS memperolehi maklumat tersebut.

(iii) Pada tarikh 7 April 2017, saya telah mendapat arahan daripada OCS Sg. Way supaya membuka kertas siasatan KEP Orang Hilang (OH). Mengikut prosedur polis, selagi tiada butir-butir peribadi termasuk nama dan alamat lengkap, pihak polis tidak dapat membuka sistem *Police Report System* (PRS) untuk membuat RJH (Ringkasan Jenayah Harian). Apabila telah mendapat butir-butir yang ada, pihak polis boleh membuka KEP Orang Hilang berkaitan Joshua Hilmy iaitu **Kertas Siasatan No: PJ/JP/KEP (OH)/ 00008/17.** Saya telah memasukkan butir-butir maklumat ke dalam sistem PRS.

(iv) Pada tarikh 7 April 2017, saya juga telah membuat semakan *family tree* melalui *MyIdentity* di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) melalui nama Hilmi bin Hanim dan mendapati bahawa terdapat maklumat **Huzair bin Hanim** (No. Telefon: 013-[redacted] No. 43 Laluan Puncak Jelapang 16 Puncak Jelapang Maju, Ipoh Perak dan seorang lagi individu **Hisham bin Hanim** (019-[redacted] beralamat di 131B Lorong Aulong Lama Taiping Perak. Saya ada menghubungi Huzair dan bercakap dengan beliau. Huzair memaklumkan bahawa beliau tahu terdapat report berkaitan abangnya Hilmi yang dibuat oleh Peter. Beliau juga telah memberitahu kepada saya bahawa Hilmi sendiri yang memilih jalannya. Saya juga memberitahu kepada Huzair bahawa saya akan datang mengambil keterangan beliau. Manakala Hisham pula, saya tidak dapat menghubungi setelah cuba beberapa kali.

(v) Pada tarikh 8 April 2017, saya juga telah menghantar surat kepada Jabatan Imigresen untuk membuat semakan mengenai rekod pergerakan keluar masuk ke

dalam dan luar negara berkenaan Joshua Hilmy. Saya telah menerima maklum balas daripada Jabatan Imigresen Malaysia bertarikh 10 April 2017 yang memaklumkan bahawa Jabatan Imigresen tidak mempunyai sebarang rekod pergerakan keluar/masuk bagi penama Joshua Hilmy.

(vi) Semasa semakan no. Kad pengenalan dibuat di dalam sistem pihak polis, nama Joshua Hilmy bersabit dengan polis repot (No.Repot: CHEMBONG/001417/14) telah direkodkan di Rembau, N.9 oleh :
Nama: Mohd. Salam bin Sarip (No.K/P: [redacted] iaitu Ketua Wira Perkasa DUN Chembong, Parlimen Rembau
No.telifon : [redacted]
Alamat: No.75 Desa Chembong, 71300 Rembau Negeri Sembilan
Umur: 62 Tahun
Repot telah dibuat pada: 27 Jun 2014.
Repot tersebut adalah berkaitan satu kenyataan di Facebook yang menghina Allah dan Rasul seperti ***"APA PUNYA BODOH LAH MUHAMMAD ITU! SEMUA JADI BAHAN BENCINYA! ANJING BABI CICAK. PADAHAL BINATANG ITU BAIK. ANJING: BOLEH JAGA RUMAH BABI: MAKANAN YANG ENAK DAN ORANG YANG MEMAKANNYA BOLEH PANDAI DAN MAJU ORANG YANG TIDAK MENERIMA AJARAN GILANYA, DISURUH BUNUH! MUHAMMAD MEMANG PESURUH SETAN DAN ALLAH ITU SETAN. SEPAK KEPALA ALLAH."***
Repot tersebut juga menyatakan supaya pihak polis mengambil tindakan individu yang mempunyai akaun Facebook di atas nama Joshua Hilmi kerana kenyataan yang dikeluarkan di dalam facebook tersebut boleh menimbulkan huru hara. Untuk repot ini tidak di siasat oleh saya.

5. **Adakah rekod keterangan diambil daripada pengadu?**
Ya. Encik Peter telah hadir untuk memberi keterangan di Balai Polis Sg. Way pada tarikh 10 April 2017 lebih kurang jam 9.20 pagi.

6. **Apakah maklumat yang Tuan perolehi semasa rekod keterangan bersama pengadu?**
Semasa mengambil keterangan, Encik Peter telah memberikan no. telefon milik Joshua Hilmy iaitu 011-[redacted] Antara maklumat lain yang diperolehi ialah, tempoh perkenalan Encik Peter bersama Joshua Hilmy selama 3-4 tahun. Encik Peter juga telah memaklumkan bahawa beliau tidak mengetahui alamat Joshua Hilmy namun beliau tahu untuk pergi ke lokasi alamat rumah Joshua Hilmy. Encik Peter tidak mempunyai maklumat sepenuhnya mengenai Joshua Hilmi. Pada hari yang sama, saya telah cuba menghubungi no yang diberikan, namun no tersebut tiada dalam perkhidmatan. Kemudiannya saya telah menghantar surat kepada SKMM untuk mendapatkan pengesahan rekod melalui no telefon

yang diberi. Melalui maklum balas daripada SKMM secara lisan mengesahkan no. tersebut tidak wujud.

7. **Apakah tindakan pihak Tuan selanjutnya?**
   Pada 11 April 2017 sehingga 22 April 2017 saya sering berhubung dengan pengadu dan memaklumkan pihak polis tidak mempunyai perkembangan terbaru mengenai kes perkembangan. Saya juga telah memaklumkan hasil maklum balas daripada Jabatan Imigeresen dan SKMM.

8. **Adakah Tuan pergi ke alamat yang diberikan oleh pengadu?**
   Pada 16 Oktober 2017 saya telah menerima arahan daripada OCS Sg. Way untuk pergi ke alamat yang diberikan oleh pengadu bersama anggota *taskforce* daripada Balai Polis Sg. Way iaitu Koperal Shamsul (RF 140352) dan Koperal Jamil (RF 14072). Semasa pergi ke alamat tersebut, saya telah mendapati bahawa rumah teres tersebut dipenuhi semak dan tidak berpenghuni. Saya telah mengambil gambar rumah tersebut.

9. **Adakah Tuan pergi mendapatkan keterangan daripada Huzair bin Hanim dan Hisham bin Hanim?**
   Ya. Saya telah pergi ke alamat yang didapati daripada sistem *MyIdentity* milik Huzair bin Hanim dan Hisham Bin Hanim pada 8 Disember 2017. Semasa merekodkan keterangan Huzair antara maklumat yang diberikan kepada saya mengenai abangnya iaitu Hilmy bin Hanim, ialah beliau telah memilih jalannya. Beliau juga telah mengahwini pasangan pilihannya daripda Indonesia. Untuk Hisham bin Hanim, saya tidak dapat merekodkan keterangan kerana semasa menghubungi beliau, Hisham tidak mahu memberikan kerjasama atau terlibat berkenaan adik beliau, Hilmy.

10. **Apakah status kes siastan Tuan berkaitan kehilangan Joshua Hilmy, dan isterinya Ruth setakat ini?**
    Pada 6 Julai 2018, saya telah mendapat arahan melalui surat daripada Ketua Bahagian Perundangan PDRM iaitu SAC Dato' Mokhtar yang menyatakan pertukaran Pegawai Penyiasat bagi laporan polis SG.WAY/002249/17 kepada Pegawai Kanan Polis atas alasan saya akan bersara. Kes ini telah diambil alih oleh OCS Sg. Way yang baru iaitu Inspektor Khairul Azhar bin Abdul Aziz (G 14760) atas arahan Ketua Bahagian Pengurusan Daerah Ibupejabat Polis Daerah Petaling Jaya.

11. **Adakah Tuan mempunyai maklumat tambahan lain?**
    Tiada.

Rakaman percakapan tamat.

[redacted]

....

Tandatangan Saksi Tandatangan Penterjemah Tandatangan Pegawai Merekod

Masa: Masa: 11.30 am

Pengesahan dan persetujuan saksi
(Witness's verification and consent)

Saya membuat keterangan ini di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 untuk penilaian Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya). Saya faham bahawa maklumat peribadi yang diberikan di dalam borang keterangan ini diperolehi di bawah kuasa Akta tersebut. Saya bersetuju agar segala maklumat dan dokumen mengenai saya yang berkaitan dengan keterangan ini diberikan kepada Suruhanjaya. Saya juga bersetuju untuk keterangan dan maklumat yang diberikan ini digunakan dan/atau didedahkan untuk tujuan siasatan Suruhanjaya sebagaimana yang diperlukan oleh Akta tersebut. Oleh itu, mana-mana maklumat yang saya berikan boleh dikongsikan **sepenuhnya / sebahagian** dengan mana-mana pihak yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya.

Saya mengakui bahawa maklumat yang saya kemukakan ini adalah benar setakat pengetahuan dan kepercayaan saya.

(I am giving this statement under the Human Rights Commission of Malaysia Act 1999 for assessment by the Human Rights Commission of Malaysia (the Commission). I understand that the personal information provided in this statement is collected under the authority of the Act. I consent to the release to the Commission of all relevant information and documents concerning me for the Commission's inquiry. Such information is to be used and/or disclosed for the purpose of the inquiry or as otherwise required by law. As such, **all / certain** information that I provide may be shared with any parties that the Commission considers necessary to share the information with.

I declare that the information I provided is true to the best of my knowledge or belief.)

Tandatangan pengadu :..... ***Tarikh:***
Complaint's signature ***Date***

EXHIBIT 114

JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
NEGERI SELANGOR
TINGKAT 2, KOMPLEKS PKNS
40550 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel. : 603 - 5519 0653 / 7593 / 7185 / 7454 / 2123 (1MOCC)
Faks : 603 - 5519 0414
Laman Web : http://www.imi.gov.my

"KEDAULATAN DAN KESELAMATAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

Ruj. Kami : IM.101/B-H/907/5-2 Jld (3243)
18 Zulkaedah 1442H
29 Jun 2021

Pejabat Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia
Tingkat 11, Menara TH Perdana
Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
WILAYAH PERSEKUTUAN

Tuan,

PENGESAHAN SEMAKAN PERGERAKAN KELUAR / MASUK MALAYSIA

Dengan hormatnya surat dari pihak tuan, **[Ruj : SHM.006/6/32-C(29)]** bertarikh **29.06.2021** mengenai perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini telah menjalankan semakan melalui sistem pergerakan keluar/masuk Malaysia. Maklumat lanjut adalah seperti di **'Lampiran A'**.

3. Dimaklumkan bahawa maklumat ini adalah untuk kegunaan rasmi sahaja.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"INTEGRITI PROFESIONAL MESRA"

Saya yang menjalankan amanah,

(JUNAINH BINTI DALUGAMIN @ DULGAMIN)
Timbalan Penolong Pengarah Imigresen
Bahagian Keselamatan Dan Pasport
b/p : Pengarah Imigresen Negeri Selangor

S.k: Fail

QUALITY SYSTEM SIRIM
CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT NO : MY - AR 6253

WORLD AIRLINE AWARDS WINNER SKYTRAX
BEST AIRPORT IMMIGRATION SERVICE
Kuala Lumpur International Airport
2010, 2011, 2013, 2017

ANTI-BRIBERY SIRIM
ISO 37001:2016
Anti-Bribery Management System Certification

LAMPIRAN A

Maklumat Pergerakan Keluar/Masuk Malaysia

BIL	NAMA / NO PASPORT / WARGANEGARA	TARIKH MASUK	TARIKH KELUAR
1	NAMA : RUDANGTA BR. SITEPU NO PASPORT : AR 681830 WARGANEGARA : INDONESIA	TIADA REKOD	TIADA REKOD

LAMPIRAN A

Maklumat Pergerakan Keluar/Masuk Warganegara Malaysia

BIL	BUTIRAN INDIVIDU	TARIKH KELUAR	TARIKH MASUK
1	NAMA : HILMY BIN HANIM NO KAD PENGENALAN : [redacted] NO PASPORT : A36522166 TARIKH SAH PASPORT : 24.11.2015 - 24.11.2020 PEJABAT PENGELUAR : PULAU PINANG	TIADA REKOD	TIADA REKOD
2	NAMA : HILMY BIN HANIM NO KAD PENGENALAN : [redacted] NO PASPORT : A18868445 TARIKH SAH PASPORT : 06.05.2008 - 10.07.2013 PEJABAT PENGELUAR : KUCHING	28.12.2011 (13.41) KL INTERNATIONAL AIRPORT - - -	07.01.2012 (13:37) LTA BAYAN LEPAS 23.07.2011 (12:55) BANGUNAN SULTAN ISKANDAR 01.12.2011 (13:08) LTA KOTA KINABALU 01.12.2011 (17:44) MERAPOK

		28.12.2011 (11:12) LT MIRI	-
3	NAMA : HILMY BIN HANIM NO KAD PENGENALAN : [redacted] NO PASPORT : A16053305 TARIKH SAH PASPORT : 10.07.2006 - 10.07.2008 PEJABAT PENGELUAR : PULAU PINANG	19.07.2007 (09:22) LTA BAYAN LEPAS 12.01.2007 (08:36) LTA BAYAN LEPAS 18.07.2006 (08:58) LTA BAYAN LEPAS	- 09.07.2007 (09:29) LTA BAYAN LEPAS 08.01.2007 (09:59) LTA BAYAN LEPAS
4	NAMA : HILMY BIN HANIM NO KAD PENGENALAN : [redacted] NO DOKUMEN : A594564 (DOKUMEN PERJALANAN TERHAD) TARIKH SAH PASPORT : 06.05.2008 - 06.05.2013 PEJABAT PENGELUAR : KUCHING	TIADA REKOD	TIADA REKOD

LAMPIRAN A

MAKLUMAT SEKATAN PERJALANAN WARGANEGARA MALAYSIA

BIL	BUTIRAN INDIVIDU
1	**NAMA : HILMY BIN HANIM** **NO KAD PENGENALAN : [redacted]** **TARIKH LAHIR : 06.11.1969** **WARGANEGARA : MALAYSIA** **PEJABAT PENGELUAR : LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI** **TARIKH MULA SEKATAN : 09.10.2020** **STATUS SEKATAN : AKTIF**

EXHIBIT 120

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN

Ruj. Kami : PANS. 196(07)455/13 klt.2 (52)
Tarikh : 11hb Ogos 2021

Setiausaha
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia
Human Rights Commission Of Malaysia
Tingkat 11, Menara Th Perdana
Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur

Tuan,

SIASATAN AWAM SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MENGENAI KEHILANGAN JOSHUA HILMY DAN RUTH SITEPU

Adalah saya dengan segala hormatnya di arah merujuk kepada surat Tuan no.rujukan SHM. 006/6/32 – C (30) berkaitan perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak tuan Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan tidak pernah menerima sebarang maklumat ataupun aduan daripada mana-mana pihak berkaitan dengan penama di atas seperti yang di nyatakan di dalam surat tuan.

3. Sehubungan dengan itu, Bahagian Penguatkuasaan JHEAINS tidak pernah membuka sebarang kertas siasatan di bawah apa-apa seksyen kesalahan di dalam Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992 ke atas penama yang dinyatakan oleh pihak tuan. Bahagian Penguatkuasaan JHEAINS juga tidak mengetahui sebarang maklumat tentang kehilangan Joshua Hilmy dan Ruth Setepu.

Sekian ,terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"BERSIH•MUAFAKAT•SEJAHTERA"

Saya yang menjalankan amanah

(NIK AZLAN BIN NIKMAN)
b.p. Pengarah,
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam
Negeri Sembilan Darul Khusus
(SBAN) tarah2021

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

KETERANGAN

DI BAWAH SEKSYEN 14(1) (a) AKTA SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA 1999

Nama Saksi: Cheng Teng Seng		Lelaki
No. Kad Pengenalan : [redacted]	No Paspot: -	Bangsa: Cina
Kerakyatan: Malaysia	Tarikh & tempat lahir: 3 Februari 1959	Umur: 62 tahun
Pekerjaan: Bersara		
Alamat tempat kerja:		No. Telefon: [redacted]
Alamat rumah: 32 Lorong Pending 2E, Bandar Puteri 41200 Klang		No. Telefon:
Pegawai Merekod: Muhammad Faiz Abd Rahman		
Tempat: 32 Lorong Pending 2E, Bandar Puteri 41200 Klang		
Tarikh: 6 September 2021	Masa: 2.00 pm	Bahasa: Bahasa Inggeris

Sebelum merekod keterangan ini, saya telah memaklumkan kepada pengadu peruntukan seksyen 15 (1) & (2) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 seperti berikut :-

Seksyen 15. Keterangan di hadapan Suruhanjaya.

(1) Seseorang yang memberikan keterangan di hadapan Suruhanjaya hendaklah, berkenaan dengan keterangan itu, berhak mendapat segala keistimewaan yang berhak diberikan kepada seorang saksi yang memberikan keterangan di hadapan mahkamah undang-undang berkenaan dengan keterangan yang diberikan olehnya di hadapan mahkamah itu.

(2) Tiada seorang pun boleh, berkenaan dengan apa-apa keterangan, bertulis atau lisan, yang diberikan oleh orang itu kepada atau di hadapan Suruhanjaya, dikenakan apa-apa tindakan atau prosiding, sivil atau jenayah dalam mana-mana mahkamah kecuali apabila orang itu dipertuduh memberikan atau merekakan keterangan palsu.

Soalan : Adakah anda faham peruntukan Seksyen 15 (1)&(2) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 di atas?

Jawapan : Ya

[redacted]

Tandatangan Saksi Tandatangan Penterjemah Tandatangan Pegawai Merekod

Background

1. **Can you briefly explain your background such your name, IC no and your current address, your family members?**
   My name is Cheng Teng Seng ([redacted]). I live in 32 Lorong Pending 2E, Bandar Puteri 41200 Klang. My spouse name Oh Mu Yang ([redacted]

2. **What is your current occupation?**
   I am retired. Previously I was working as General Manager in General Electric (GE) Healthcare, a heathcare company.

Joshua Hilmy & Ruth Sitepu

1. **Do you know Joshua Hilmy?**
   Yes.

2. **Do you know Ruth Sitepu?**
   Yes

3. **Can you elaborate more how do you know them? (date/year/location/occasion). What is your relationship between you and this couple?**
   I know them since 2014 in a meeting. It is a Christian gathering. Joshua alone was invited in this gathering. The gathering was in PJ, Kota Damansara. Joshua was known as a soft spoken person, and somebody who like to help people. During the gathering, Joshua asked me about my phone number. Since then, we became friends. I knew him that he was living in Bukit Mertajam before moving to Klang. I visited him in Kg. Tunku house 2 or 3 times. He casually shared some information/ Christian's poster through whatsapp to me. To be honest, I do not know about his conversion story and he never told me anything. But from his exposure, I think he felt that the Islamic community is hypocrite. His apprearance also look like an Indonesian.

4. **Can you explain about the background of Joshua Hilmy and Ruth Sitepu? (full name, occupation, family, current address, friend, religion status) (activities of Joshua Hilmy)**
   I know Joshua has been coverting Muslim into Christianity. I do not know about his family. Joshua once told me that his brother is very angry with him. His brother against what he is doing. Joshua also informed me that he will invite people to his house to help people. Joshua also address himself as a pastor. Usually I went for breakfast with him. He also drive a red kancil. I only know about Ruth when I visited Joshua in Klang. Once he moved to Kg. Tunku, PJ I am no longer meeting him.

5. **Do you know any friends or next of kin Joshua Hilmy?**
   None.

6. **How many time that you have met with Joshua Hilmy or Ruth Sitepu ?**
   I would say, approximately around 45 times (in the spent of 7 years since 2014) including gathering and casual meals.

7. **When was the last time you met or communicate with Joshua or Ruth?**
   Somewhere in middle in 2016 when I drove them to Kajang. That time, he was invited as a speaker in church in Kajang.

[redacted]

8. **How do you usually communicate with Joshua Hilmy and Ruth Sitepu (through whatsapp, social media or by phone call?)**
   Most of the time I communicated with Joshua through whatsapp.

9. **Have you ever join/attend any program together with Joshua and Ruth?**
   Yes. The last gathering I attend together with Joshua was in middle 2016 in Kajang.

10. **Were they under investigations of any authorities like the police or religious department?**
    Not that I know, but he had mentioned about ustaz who was not happy with his facebook postings.

11. **Do they have shared with you any issues or problems that they are having while you in communication?**
    Based from his Facebook posting, he received a lot of comments. He also had received a phone call from unknown people, ask him to come out. On other hand, he also inform that he also received a phone call from people who interested about Christianity. I did advise him about the posting on his Facebook was too extreme but he just ignored.

Missing Incident

1. **How do you know that Joshua Hilmy and Ruth went missing?**
   I dont know anything. Usually I will bank in some money to Joshua hilmy, and he will acknowledge it. However, when the news about the missing Pastor Raymond and Amri, I knew that Joshua also had went missing.

2. **Who give the information and when the information was given to you ?**
   Through news.

3. **What is your next action after knowing that they are missing?**
   I do nothing. However, once I was passing his house in PJ and saw the house is surrounded with bushes and not well kept.

4. **Did you try to contact Joshua or Ruth? (whatsapp, social media, phone call) If yes, can you tell the date time?**
   I did try to contact him but I think the line was disconnected. I only have Joshua's number.

5. **Do you try to contact with Joshua or Ruth's friends?**
   No.

6. **Do you lodge police report regarding the missing of Joshua and Ruth?**
   No.

7. **Is there any individu or authority contacted/ communicated with you after the missing of Joshua Hilmy and Ruth Sitepu?**
   None.

[redacted]

Maybank Transaction

1. **The inquiry found that there are few transaction money to Joshua Hilmy's bank account was was made in September and October 2016 before the missing and February 2017 after the couple went missing. It shows that the transaction was made by you. Can you explain this activity/ action (transfer money)?**
   As a friend of him, I was just helping him by giving a donation of RM 300.00 every month. I know that he is inviting people to his house, and taking care the welfare of others. So I did that just to assist him. Usually Joshua will acknowledge once I transfer the money.

2. **Since when you have been transferring money or giving donation to Joshua Hilmy?**
   I think I started giving him donation since I met him in 2014.

3. **Will Joshua Hilmy provide any acknowledgement every time you made donation to him?**
   Yes. Usually I will text him if I transfer the money.

4. **Can you confirm the last time you transfer money to Joshua's account?**
   I am not sure. The last transaction that I made, i did not received any acknowledgement. Then I made the another last transaction. I also did not received any acknowledgement. Only then, I think something happen to Joshua.

5. **You have still made transfer to Joshua's account despite you did not receive any acknowledgement / despite knowing he has been missing. Why?**
   Because previously, I was told Joshua went to Kalimantan because he ran awau from a problem. I assume he has went somewhere too this time around.

6. **Do you know Joshua Hilmy other bank account than Maybank?**
   None.

7. **Have you ever give money to Joshua Hilmy physically?**
   Yes. When I meet him personally.

Other information

Type text here

1. **Do you have any other information that can assist the panel in investigating the missing of Joshua Hilmy and Ruth?**
   No

Rakaman percakapan tamat.

[redacted]

Tandatangan Saksi
Masa: 4.17 pm

.....

Tandatangan Penterjemah

[redacted]

.....

Tandatangan Pegawai Merekod
Masa: 4.18 pm

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

KETERANGAN

DI BAWAH SEKSYEN 14(1) (a) AKTA SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA 1999

Nama Saksi: Annanthan a/l Munusamy		**Lelaki**
No. Kad Pengenalan : [redacted]	**No Paspot: -**	**Bangsa:** India
Kerakyatan: Malaysia	**Tarikh & tempat lahir:** 11/05/1994	**Umur:** 27 tahun
Pekerjaan: Tidak Bekerja		
Alamat tempat kerja: N/A		**No. Telefon:** [redacted]
Alamat rumah: No. 20 Dataran Perpaduan 9, 31150 Ulu Kinta Perak.		**No. Telefon:**
Pegawai Merekod: Muhammad Faiz Abd Rahman		
Tempat: No. 20 Dataran Perpaduan 9, Taman Bercham Raya. 31150 Ulu Kinta Perak.		
Tarikh: 11 November 2021	**Masa:** 11.30 am	**Bahasa:** Bahasa Malaysia

Sebelum merekod keterangan ini, saya telah memaklumkan kepada pengadu peruntukan seksyen 15 (1) & (2) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 seperti berikut :-

Seksyen 15. Keterangan di hadapan Suruhanjaya.

(1) Seseorang yang memberikan keterangan di hadapan Suruhanjaya hendaklah, berkenaan dengan keterangan itu, berhak mendapat segala keistimewaan yang berhak diberikan kepada seorang saksi yang memberikan keterangan di hadapan mahkamah undang-undang berkenaan dengan keterangan yang diberikan olehnya di hadapan mahkamah itu.

(2) Tiada seorang pun boleh, berkenaan dengan apa-apa keterangan, bertulis atau lisan, yang diberikan oleh orang itu kepada atau di hadapan Suruhanjaya, dikenakan apa-apa tindakan atau prosiding, sivil atau jenayah dalam mana-mana mahkamah kecuali apabila orang itu dipertuduh memberikan atau merekakan keterangan palsu.

Soalan : Adakah anda faham peruntukan Seksyen 15 (1)&(2) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 di atas?

Jaw [redacted]

....

Tandatangan Saksi **Tandatangan Penterjemah** **Tandatangan Pegawai Merekod**

SOALAN – SOALAN

LATAR BELAKANG

1. **Boleh anda beritahu kepada panel, no. kad pengenalan, alamat terkini?**
   No kad pengenalan saya adalah [redacted] dan beralamat di No. 20 Dataran Perpaduan 9, 31150 Ulu Kinta Perak. Keluarga saya menganut agama Hindu, pada tahun 2015 kami sekeluarga telah memeluk agama kristian di Ipoh di Gereja Shakina.

   Nama ayah saya Munusamy a/l Arumugam, nombor kad pengenalan ayah saya adalah [redacted] Nama ibu saya Kamaji a/p Subramaniam, nombor kad pengenalan Ibu saya adalah [redacted].

   Ayah saya tidak bekerja sekarang kerana telah mengalami lumpuh disebebkan stroke sejak bulan Disember 2020. Kini, ayah saya berada di rumah sepanjang masa. Sebelum lumpuh, ayah saya bekerja sebagai Pengawal Keselamatan di Hospital Bahagia Ulu Kinta pada masa yang sama ayah saya juga bekerja sebagai orang yang menjaga orang tua dan Orang Kurang Upaya di sebuah pusat di Jalan Labrooy. Ibu saya kini adalah seorang suri rumah sepenuh masa dan menjaga ayah saya.

2. **Boleh anda beritahu apakah pekerjaan terkini anda?**
   Saya tidak bekerja pada masa kini kerana menjaga ayah saya yang telah diserang lumpuh sejak bulan Disember 2020. Sebelum ini saya bekerja sebagai Pengawal keselamatan di Hospital Bahagia Ulu Kinta sejak tahun 2016.

3. **Adakah anda kenal Joshua Hilmy?**
   Ya saya kenal, Ayah saya telah berkawan rapat dengan Joshua Hilmy sejak Joshua Hilmy telah memeluk agama kristian. Saya telah tinggal di rumah Joshua Hilmy di Kuala Lumpur pada tahun 2015 selama seminggu sebelum mendapat pekerjaan.

4. **Adakah anda kenal Ruth Sitepu?**
   Ya saya kenal isteri Joshua Hilmy.

5. **Bagaimanakah anda mengenali Joshua Hilmy dan Ruth Sitepu?**
   Saya mengenali Joshua Hilmy melalui ayah saya dimana saya telah dihantar ke rumahnya ke untuk tinggal di Joshua Hilmy pada tahun 2015 untuk tujuan pemulihan. Disana Joshua Hilmy memberikan kata semangat dan nasihat kepada saya. Ayah saya mengenali Joshua Hilmy sejak saya dan keluarga memeluk agama Kristian. Ayah saya mengenali Joshua Hilmy apabila ayah saya pernah pergi ke Gereja yang sama dengan Joshua Hilmy iaitu Gereja Sakhina di Ipoh.

   - **Bilakah kali pertama anda berjumpa?**
     Kali pertama saya berjumpa dengan Joshua Hilmy apabila saya dihantar oleh ayah saya ke rumahnya pada tahun 2015. Joshua Hilmy juga pernah datang ke rumah saya beberapa kali bersama isterinya dan singgah untuk berjumpa dengan ayah saya. Menurut ayah saya dia datang ke Ipoh untuk tujuan mengubati orang dan kerap singgah ke rumah saya untuk berjumpa dengan ayah saya. Kali terakhir Joshua Hilmy dan isterinya datang mengadu sakit

[redacted]

kaki ke ayah saya.

- **Apakah maklumat mengenai Joshua Hilmy atau Ruth Sitepu yang anda tahu? (nama penuh, pekerjaan, isteri dan keluarga, tempat tinggal, rakan, status agama)**
  Sepanjang saya berada di rumah Joshua Hilmy di KL, saya mengetahui isterinya adalah daripada Indonesia. Joshua Hilmy tidak mempunyai anak. Saya juga mendapati bahawa mereka tidak saling berkongsi maklumat antara suami isteri. Semasa saya berada di rumah Joshua Hilmy saya hanya tinggal dan makan saja. Selama saya berada di rumah Joshua saya mendapati terdapat 2 orang adik beradik yang tinggal (laki dan perempuan) dan seorang lelaki. Walaupun kami tak pernah bersembang.

  Sepanjang saya tinggal di rumah Joshua Hilmy tiada perkara atau insiden yang pelik berlaku. Antara aktiviti Joshua Hilmy buat semasa saya berada di rumah adalah, mereka selalu bercucuk tanam dan mereka sering menerima jemputan untuk panggil sembahyang, minta bantuan untuk selesaikan masalah.

- **Adakah anda mengenali kenalan/ahli keluarga Joshua Hilmy atau Ruth Sitepu?**
  Saya tidak mengenali. Ayah saya juga tidak mengenali ahli keluarga Joshua Hilmy atau Ruth Sitepu.

6. **Adakah anda berhubung melalui whatsapp, media sosial, panggilan telefon?**
   Saya tidak. Ayah saya yang sering berhubung dengan Joshua Hilmy melalui phone call.

7. **Bilakah kali terakhir anda berjumpa atau berkomunikasi dengan Joshua Hilmy or Ruth**
   Selepas seminggu saya tinggal Joshua Hilmy saya telah mendapat tawaran pekerjaan di Bangsar. Selepas itu, saya telah berjumpa 2 kali untuk mengetahui perkembangan mereka. Saya berjumpa mereka di rumah di KL bersama kawan saya Kevin Sun Kim Man.

   Ayah saya sering berhubung dengan Joshua Hilmy. Kali terakhir berhubung adalah pada November 2016. Walaubagaimanapun, panggilan terputus selepas itu ayah cuba menghubungi balik Joshua namun tidak berjaya. Semasa berhubung dengan Joshua Hilmy, ayah saya memaklumkan bahawa Joshua Hilmy bersembang seperti biasa sebelum terputus. Saya juga tidak pasti kerana keadaan ayah saya kini, beliau tidak ingat mengenai apa yang disembangkan. Selepas itu, saya dan ayah saya pernah cuba menghubungi Joshua namun nombor tidak boleh dihubungi. (voicemail)

8. **Sejak anda mengenali Joshua/ Ruth, adakah anda tahu mereka penah menerima sebarang ugutan?**
   Sepanjang saya mengenali Joshua Hilmy beliau tidak pernah memaklumkan menerima sebarang ugutan atau masalah. Ayah saya juga memaklumkan perkara yang sama.

INSIDEN KEHILANGAN

9. **Bagaimanakah anda tahu bahawa Joshua dan Ruth telah menghilangkan diri?**
   Saya mengetahui kehilangan Joshua Hilmy dan Ruth melalui televisyen.

[redacted]

10. **Selepas mengetahui kehilangan Joshua Hilmy dan Ruth apakah tindakan selanjutnya daripada anda?**
    Saya ada cuba menghubungi kawan-kawan saya dan Gereja di PJ iaitu TAIC The Ambassadors International Church. Saya juga cuba menghubungi Joshua Hilmy namun tidak boleh dihubungi. Ayah saya juga terkejut apabila mendengar berita tersebut dan dia juga cuba menghubungi kawan-kawan untuk mendapatkan maklumat.

    - **Adakah anda membuat laporan polis tentang kehilangan Joshua dan Ruth?**
      Tidak saya pun tidak pasti apa yang berlaku.

11. **Adakah anda pernah didatangi oleh mana-mana pihak selain polis untuk menyiasat kehilangan Joshua Hilmy dan Ruth?**
    Tidak. Sejak kehilangan Joshua, hanya SUHAKAM yang mendapatkan maklumat mengenai Joshua Hilmy daripada saya dan ayah saya.

12. **Adakah anda mempunyai maklumat lain yang boleh membantu panel dalam menyiasat kehilangan Joshua Hilmy dan Ruth?**
    Joshua bukan seorang yang menyembunyikan diri. Beliau seorang yang berani dan tidak akan menyembunyikan diri. Dia juga seorang yang suka menolong orang.